

# Amaran Dr. M jangan salah gunakan undi

1100 - JUL 1978

*"Sebarang kesilapan akan menyebabkan masa depan negeri dan rakyat jadi kucar-kacir"*

**T**IMBALAN Perdana Menteri, Datuk Sri Doktor Mahathir Mohamad, memberi amaran kepada tiga suku juta pengundi di Negeri Perak supaya jangan cuba menyalahgunakan undi mereka pada 8 Julai ini, semata-mata dengan tujuan hendak menukar kerajaan yang ada sekarang.

Beliau berkata, sebarang kesilapan atau sengaja hendak mencuba kepada sesuatu yang belum diketahui padahnya akan menyebabkan masa depan negeri dan rakyatnya menjadi kucar-kacir.

Berucap kepada penyokong-penyokong Barisan Nasional di Dewan Merdeka di sini malam tadi, Datuk Sri Doktor Mahathir menyatakan, banyak sudah kejadian-kejadian buruk berlaku di negara-negara lain di dunia, kerana mengikutkan nafsu rakyatnya hingga ada di antara pemimpin mereka yang dibunuh.

Katanya, tidak semua negara yang mengalami pertukaran pemimpin atau pemerintahan mendatangkan kebaikan kepada rakyat dan negara itu sendiri.

Timbalan Perdana Menteri telah menyebut sebuah negara luar yang menurut wartawan-wartawan negara itu sebagai tidak demokratik dan akhirnya pemimpin veteran negara itu dibunuh dan diganti dengan pemerintahan junta tentera.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan junta tentera itu pula bertukar ganti hingga sekarang, di mana menyebabkan ramai rakyat yang terkorban, tetapi masalah dalam negara itu tidak selesai.

Wartawan-wartawan luar negeri di Malaysia juga, kata Dr. Mahathir membidas Kerajaan Barisan Nasional, seolah-olah mereka turut campur dalam usaha hendak menukar kerajaan yang ada sekarang.

Beliau memberitahu wartawan-wartawan luar negeri seperti itu supaya memerhatikan adanya negara yang mengamalkan dasar demokratik berubah kepada autokratik atau diktatorship, kerana mengikut nafsu rakyatnya dan ada setengah-setengah pemimpin negara itu dibunuh, tetapi masalah dalam negara tersebut tidak juga selesai.

Kerajaan Barisan Nasional, katanya, mempunyai asas-asas pemerintahan yang sederhana, di mana parti-parti komponen di dalamnya telah membuang perasaan ekstrimis mereka dan disesuaikan dengan keadaan penduduk berbagai kaum di negeri ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Pengarah Pilihanraya Barisan Nasional Negeri Perak berkata, kesederhanaan kerajaan dapat dibuktikan dari bi-

dasar PAS dan DAP, di mana satu pihak tidak berpuas hati kepada pertolongan yang diberikan kepada orang-orang Melayu dan satu pihak lagi sebaliknya pula.

## Mementing

PAS, kata Datuk Sri Dr. Mahathir menganggap Barisan Nasional tidak mementingkan masalah orang-orang Melayu, sementara DAP pula menuduh kerajaan tidak pedulikan orang-orang Cina.

"Di sinilah terdapatnya kesederhanaan pemerintahan kerajaan Barisan Nasional yang berada di tengah-tengah," kata beliau.

Beliau menambah, kerajaan sentiasa memberi galakan kepada bangsa yang mundur di negara ini supaya mereka dapat membentuk hidup yang seimbang dengan rakan-rakan bangsa lain mereka, tetapi anggapan PAS dan DAP berlainan pula, kerana mereka lebih mementingkan maksud politik mereka sendiri.

Ini, ternyata, kata Timbalan Perdana Menteri itu, bahawa PAS lebih menggunakan Islam sebagai kepentingan politik mereka, sementara DAP berjuang dalam khayalan saja, seolah-olah negeri ini ada satu kaum saja.